

Anjuran Islam Dalam Memelihara Harta dan Jiwa

Kalau seseorang telah berharta, janganlah ia lupa daratan. Ia janganlah menghaburkan hartanya kepada barang-barang yang ditegah dan dilarang. Islam menganjurkan bahawa tiap-tiap seorang disuruh berusaha mencari harta kekayaan tetapi kalau dapat maka Islam sangat menganjurkan supaya harta kekayaan itu digunakan kepada perkara-perkara yang berkebaikan. Islam menganjurkan kepada orang-orang yang berharta supaya mengawal hartanya dengan baik dan menggalakkan menolong orang dengan membuat kebajikan dengan Allah menjanjikan bahawa perbuatan mereka kepada kebajikan itu sebagai pupuk kepada hartanya. Sebab itu harta yang dicari hendaklah harta yang bersih dan jiwa yang mencarinya hendaklah berjiwa bersih. Perhatikan di bawah ini:

Firman Allah: *yā 'ayyuhal al-ladhīna āmanū lā ta'kulū amwā lakum baynakum bi al-bāṭil illā an takūnu tijāratan 'an tarāḍin minkum wa lā taqtulū anfusakum inna Allaha kāna bikum raḥīma*

Al-Nisā' ayat 29

“Hai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan harta-harta kamu di antara kamu dengan batil, kecuali atas jalan perdagangan dengan suka sama suka antara kamu, sesungguhnya Allah amat kasih kepada kamu”

Cubalah perhatikan dengan tenang ayat al-Qur'an di atas dan ertinya, nescaya akan dapati lebih dahulu susunan katanya yang indah mengandung balaghah, sesuai dengan kejadian.

Wang, adalah satu alat penukar buat mendapatkan keperluan hidup kita, seperti makanan, minuman, pakaian, alat-alat perkakas, perhiasan dan lain-lainnya.

Kalau kita mempunyai makanan, tetapi kita ingin mempunyai pakaian, maka di zaman sekarang ini, tidak boleh kita tukar sahaja makanan itu dengan pakaian, kerana zaman itu sudah lampau. Tetapi kita harus jual dahulu makanan itu supaya menjadi wang,

maka dengan wang itu, baharulah dapat kita membeli pakaian.

Wang itu berguna kalau kita hargakan. Kalau tidak, maka keadaannya seperti logam atau kertas sahaja, dan harganya merosot serendah-rendahnya. Jadi yang menghargakan wang itu kita sendiri. Sebab kalau kita semua tidak menghargakan wang, nescaya wang itu tidak berharga. Maka dengan penghargaan wang dan perantaraannya, dapatlah kita memiliki barang-barang keperluan hidup.

Maka barang-barang keperluan hidup dan wang itu, adalah harta namanya.

Di dalam ayat al-Qur'an, - sekali lagi cubalah perhatikan firman – Tuhan, kataNya: “Janganlah kamu makan harta kamu di antara kamu dengan batil” Di sini Tuhan katakan “Kamu makan harta kamu” bukan dikatakan “sebahagian kamu makan harta sebahagiannya.”

Mengapakah disebutkan dengan perkataan “harta kamu?” bukan” harta sebahagian kamu?”

Kerana harta itu sebagai milik semua, yakni harta seorang itu seperti harta satu bangsa atau

satu umat. Sebab kalau kita tidak memelihara harta orang lain maka harta kita sendiri, tentu tidak akan terpelihara. “Sebagaimana tuan berbuat untuk orang lain, nescaya orang lain akan berbuat begitu juga kepada tuan” – “*ka immā tādayyanū tūdāna*” kata peribahasa.

Dan sebagaimana juga sudah diterangkan di atas tadi bahawa yang menghargakan harta itu ialah kita sendiri. Maka kalau harta orang tidak kita hargakan, maka harta kita juga orang lain tidak menghargakannya.

Bagaimana kita harus menghargakan dan memelihara harta kita itu? Di dalam ayat al-Qur’ān tadi sudah diterangkan, iaitu “Jangan kamu makan harta kamu dengan jalan batil”

Batil ertinya, jalan yang tidak sah, jalan yang tidak benar.

Jalan batil itu, dilarang kita tempuh buat mendapatkan harta. Seperti merampas, mencuri, memeras, korupsi, catut, tipu, riba, suap, sembunyikan, atau sogok, palsu curang, aniaya, judi dan masih banyak lagi macam-macamnya, yang semuanya itu dapat kita periksa di dalam kitab-kitab agama.

Kalau tuan sudah membenarkan diri tuan boleh mendapatkan harta orang lain dengan jalan batil tadi, maka tuan tidak ada hak menegur dan melarang orang lain kalau ia menempuh jalan batil itu buat mendapatkan harta tuan. Tidakkah begitu?

Dengan jalan batil inilah, timbulnya kekacauan dan kerumitan dalam masyarakat. Kerana satu sama lain sudah membenarkan jalan batil itu buat mendapatkan harta.

Kalau pegawai tinggi korupsi, maka dia tidak berani melarang kalau pegawai rendahnya mencuri. Masing-masing akan bersikap T.S.T. saja, yakni tahu

sama tahu .

Kalau di dalam masyarakat semua golongan sudah mencari harta dengan jalan batil, maka tidak ada seorang pun yang berani memberi peringatan dan teguran, selain dari azab Tuhan yang sudah tersedia buat menghancurkan dan membinasakan mereka.

Orang yang melalui jalan batil buat mendapatkan harta, ialah kerana ingin lekas banyak harta, ingin lekas kaya.

Kalau bukan dengan jalan batil, maka dengan jalan apakah orang boleh mendapatkan harta kekayaan itu?

Demikianlah pertanyaan yang mungkin timbul dalam hati kita!

Jawabnya sudah diterangkan Tuhan di sambungan ayat tadi, iaitu dengan jalan perniagaan, perdagangan atau jual beli.

Jalan ini pun harus dengan suka sama suka, bukan dengan paksaan, tipuan dan ancaman.

Adapun perdagangan yang membawa keberkatan dan kemakmuran

Sudah terbit!

Pengajian

KESAH PELAYARAN

ABDULLAH MUNSHI

di-susun sa-mula oleh:

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

Di-chitak dan di-terbitkan oleh:

QALAM,

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

dengan erti kemakmuran yang sebenar-benarnya, subur hancur,

iaitu saudagar yang bersifat seperti yang diterangkan oleh

Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*:

“Bahawa sesungguhnya sebaik-baik usaha, ialah usaha saudagar, yang bila bercakap-cakap tidak berdusta, apabila diserahkan amanah tidak khianat, apabila berjanji tidak memungkiri janji, apabila membeli tidak mencela, apabila menjual tidak terlampau memuji, apabila berhutang tidak mengecoh, dan apabila berpiutang tidak memberatkan”

(Baihaqi)

Sesudah Tuhan terangkan perkara harta dan perdagangan, maka diiringi dengan perkara diri atau jiwa, iaitu kata Tuhan, “Janganlah kamu bunuh diri kamu”

Apakah perhubungan harta, perdagangan dengan jiwa?

Sebagaimana harta menjadi sebagai milik bersama, yang tidak boleh diambil dengan jalan batil, maka begitu juga diri atau jiwa seseorang. Tidak boleh orang membunuh dirinya dengan jalan batil, seperti menikam, atau membak¹ diri, memakan racun, mencampakkan diri ke tempat yang membawa maut.

Begitu juga dilarang dia membunuh diri orang lain dengan jalan batil, seperti membunuh orang lain yang tidak bersalah, hanya kerana ia hendak merampas hak miliknya, hendak menganiaya atau pemuaskan hawa nafsunya.

Yang lebih rapat lagi hubungan harta dengan jiwa sebagaimana yang diterangkan dalam satu ayat itu, iaitu orang yang memakan harta dengan jalan batil, samalah keadaannya dengan ia membunuh dirinya sendiri dengan jalan batil. Kerana kalau ia mati di waktu memakan harta dengan jalan batil itu, maka adalah ia membunuh dirinya dengan

jalan batil.

Maka sebagai orang mukmin yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, hendaklah kita perhatikan benar firman itu ditujukan kepada kita kaum muslimin, iaitu:

1. Janganlah kita memakan harta kita dengan jalan batil
2. Kalau kita hendak menuntut harta kekayaan, hendaklah kita lakukan dengan jalan perdagangan atau jual beli, dengan dasar suka sama suka.
3. Jangan kita membunuh diri.

Semua ini dinyatakan oleh Tuhan, kerana Tuhan amat kasih kepada kita.

(Dipetik dari karangan Kiyai Muhammad Ali al-Hamidi di dalam majalah Al-Hikmah)

Bacalah!

Sudah terbit!

Buku-buku Syuhada

Disusun oleh:

Edrus

- | | |
|-------------------------------------|--------|
| 1. Ḥamzah ibn ‘Abd al-Muṭalib | 50 sen |
| 2. Nusaibah – Pahlawan Wanita Islam | 50 “ |
| 3. ‘Ikramah ibn Abū Jahal | 50 “ |
| 4. Sa‘ad ibn Rabī‘ | 50 “ |
| 5. Sa‘ad ibn Mu‘āz | 50 “ |
| 6. Nu‘mān ibn Muqaran | 50 “ |
| 7. Ja‘far ibn ‘Abī Ṭālib | 50 “ |
| 8. Anak Abdullah ibn ‘Ubay | 50 “ |
| 9. Anak angkat Rasulullah | 50 “ |
| 10. Abu Ḥudhayfah ibn ‘Utbah | 50 “ |

di-terbitkan oleh:

QALAM

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

¹ Sepatutnya ‘menembak’